

UEM Edgenta Catat Prestasi Berdaya Tahan 1H 2024, Capai Sasaran Strategik

KUALA LUMPUR, 29 Ogos – UEM Edgenta Berhad (UEM Edgenta), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini, hari ini mengumumkan keputusan kewangannya yang belum diaudit untuk separuh pertama 2024, berakhir 30 Jun 2024 (1H FY2024).

UEM Edgenta melaporkan hasil sebanyak RM1.44 bilion untuk 1H FY2024, menandakan peningkatan 6.4% berbanding RM1.35 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lepas. Keuntungan bersih bagi suku kedua 2024 (Q2 FY2024) juga menunjukkan peningkatan yang meningkat sebanyak 2.1% kepada RM12.8 juta daripada RM12.5 juta pada Q2 FY2023. Keputusan ini menekankan komitmen UEM Edgenta untuk menyampaikan prestasi kewangan yang konsisten di tengah-tengah landskap ekonomi global yang dinamik.

Kontrak baharu berjumlah RM2.0 bilion telah diperoleh pada 1H FY2024, yang menyamai jumlah kemenangan kontrak baharu pada FY2023. Lebih 90% daripada kemenangan ini adalah daripada perniagaan antarabangsa di Singapura, Taiwan dan Timur Tengah. Di Singapura, kecemerlangan pelaksanaan yang berterusan mendorong penambahan buku pesanan yang kukuh sebanyak RM1.2 bilion dalam perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan dan kontrak pengurusan fasiliti bersepadu dengan pelanggan di luar sektor penjagaan kesihatan. Operasi di Arab Saudi berjaya memperoleh kontrak hospital pertamanya di rantau tersebut untuk meluaskan lagi jejaknya. Di dalam negeri, bahagian Perundingan Aset sedang mengorak langkah yang ketara dengan lebih RM67.7 juta kemenangan baharu di mana majoritiannya adalah projek Kecekapan Tenaga (EE), mengesahkan komitmen RM200 juta sifar perbelanjaan (*zero capex*) yang dibuat pada September 2023. UEM Edgenta disokong oleh buku pesanan kukuh bernilai lebih kurang RM10 bilion pada 30 Jun 2024 sekaligus memberikan keterlihatan pendapatan jangka panjang dan meletakkan syarikat untuk mengharungi cabaran yang berpotensi sambil mengekalkan kestabilan kewangan.

Keyakinan UEM Edgenta disokong oleh langkah-langkah penting yang dicapai dalam merealisasikan penjimatan kos yang disasarkan, yang pada asalnya ditetapkan pada RM100 juta dalam tempoh lima (5) tahun di bawah pelan EoTF2025. Kami kini berada di landasan untuk mencapai sasaran ini menjelang akhir tahun 2024 – setahun lebih awal daripada jadual. Penjimatan ini telah didorong oleh kecemerlangan operasi, perolehan yang dioptimumkan dan struktur perniagaan yang lebih ramping. Berdasarkan momentum ini, Syarikat menyasarkan tambahan RM150 juta dalam penjimatan dalam tempoh lima tahun akan datang, memberi tumpuan kepada bidang pengoptimuman kos utama, termasuk keutamaan perbelanjaan, memudahkan organisasi dan struktur korporat, pengurusan rantaian bekalan, rundingan semula kontrak, dan memperkemas operasi melalui automasi dan teknologi. Syarikat berada di landasan yang tepat untuk mencapai sasaran Fasa 1 kami iaitu peningkatan 10% dalam kos yang boleh ditangani menjelang akhir tahun kewangan 2024.

Dalam Perkhidmatan Pengurusan Aset, syarikat memberi tumpuan untuk mengekalkan kepimpinan pasarannya dengan memajukan Pengurusan Kemudahan Pintar dan Hijau, menekankan teknologi terkini untuk pengurusan aset yang cekap dan mampan. Selain itu, pemerolehan strategik kami bagi Kaizen Group di UAE yang lengkap pada 1H FY2024, mengukuhkan lagi kedudukan pasaran kami dan memacu pertumbuhan kewangan melalui integrasi yang menyeluruh dengan operasi sedia ada kami di rantau Timur Tengah, yang pastinya membuka peluang perniagaan baharu di wilayah tersebut.

Dengan buku pesanan yang mantap melangkaui 2030, Bahagian Perkhidmatan Infrastruktur menikmati keterlihatan pendapatan yang kukuh. Pada masa yang sama, ia meluaskan keupayaannya melangkaui penyelenggaraan jalanraya bagi memasukkan bidang seperti penyelenggaraan sistem *photovoltaic* solar dan meluaskan kehadirannya dalam pasaran perkhidmatan infrastruktur Indonesia. Selain itu, kilang pracampuran Turapan Asfalt Kitar Semula (RAP) di Perak kini siap sepenuhnya dan beroperasi, bersedia untuk meletakkan perniagaan dalam rantaian nilai produk turapan.

Syahrunizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, menyatakan, "Kami komited untuk mengoptimumkan sumber kami dan memperhalusi model pengoperasian kami dalam meningkatkan kecekapan di semua peringkat. Buku pesanan kami yang kukuh dan sentiasa diisi semula bukan sahaja memberikan keterlihatan yang jelas kepada pendapatan jangka panjang dan kestabilan kewangan tetapi juga menekankan daya tahan kami dalam mengemudi turun naik pasaran."

"Sementara kami terus mara dengan strategi Edgenta of The Future 2025 (EoTF2025), kami yakin daya tahan dan fokus kami pada pemeliharaan dan pertumbuhan perniagaan akan memperkasakan kami untuk mengatasi cabaran serta membawahkan prestasi cemerlang sepanjang tahun. Keupayaan kami untuk menyesuaikan diri dan bertahan meletakkan kami kukuh untuk memenuhi tuntutan masa depan dan mencapai kejayaan yang berterusan," tambahnya.

Memandang ke hadapan, UEM Edgenta kekal komited untuk meneroka peluang baharu serta memajukan piawaian industri. Dengan mengintegrasikan inovasi secara berterusan dan mengutamakan pertumbuhan yang mampan, syarikat terus mencipta nilai untuk pemegang kepentingannya sambil berusaha untuk menyampaikan penyelesaian praktikal dan berfikiran ke hadapan.

Untuk maklumat lanjut berkenaan UEM Edgenta, layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi.